

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA  
PUAN NOORYAH BINTI GHULAM  
MENGENAI PENGALAMAN BELIAU TENTANG BIDANG SAINS  
PERPUSTAKAAN**

**ILYLIA AZUAR BINTI AZMI  
(2019672446)  
AIMAN AMYNIENA BINTI MOHD. NASIR  
(2019461706)**

**FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT**

**SEMESTER SEPTEMBER 2020-JANUARI 2021**

## ISI KANDUNGAN

<b>ABSTRAK .....</b>	i
<b>PENGHARGAAN.....</b>	ii
<b>SENARAI ABREVIASI .....</b>	iii
<b>SENARAI SINGKATAN .....</b>	iv
<b>RUJUKAN KATA .....</b>	v
<b>1.0 BIODATA PENEMUBUAL .....</b>	2
1.1 PENEMUBUAL PERTAMA.....	2
1.2 PENEMU BUAL KEDUA.....	3
<b>2.0 BIODATA TOKOH.....</b>	5
2.1 BIODATA TOKOH .....	5
2.2 PENGENALAN KEPADA TOKOH .....	6
<b>3.0 SEJARAH LISAN.....</b>	8
3.1 PENGENALAN .....	8
3.2 OBJEKTIF SEJARAH LISAN .....	10
3.3 KEPENTINGAN SEJARAH LISAN.....	11
<b>4.0 KAJIAN LITERATUR .....</b>	13
4.1 TOPIK 1: SEJARAH LISAN .....	13
4.2 TOPIK 2: SAINS PERPUSTAKAAN .....	14
<b>5.0 TRANSKRIP TEMU BUAL BERSAMA TOKOH.....</b>	17
SESI PERTAMA.....	17
SESI KEDUA .....	59
<b>6.0 LOG TEMUBUAL.....</b>	110
SESI 1.....	110
SESI 2.....	113

<b>7.0 RALAT</b> .....	116
<b>8.0 GLOSARI</b> .....	118
<b>9.0 INDEKS</b> .....	122
<b>10.0 BIBLIOGRAFI</b> .....	128
<b>11.0 LAMPIRAN</b> .....	130
11.1 BIOGRAFI TOKOH .....	130
11.2 SURAT PERJANJIAN.....	132
11.3 SENARAI SOALAN.....	133
11.4 DIARI PENYELIDIKAN .....	142

**PENGALAMAN PUAN NOORYAH BINTI GHULAM SEBAGAI  
PENUNTUT INSTITUSI TEKNOLOGI MARA (ITM)**

Aiman Amyniena binti Mohd Nasir (2019461706)

Illylia Azuar binti Azmi (2019672446)

**Fakulti Pengurusan Maklumat,  
UiTM Johor Kampus Segamat,  
KM 12, Jalan Muar, 85000 Segamat, Johor**

**ABSTRAK**

*Transkrip ini membincangkan tentang pengalaman seorang tokoh yang merupakan penuntut di Institut Teknologi MARA (ITM) iaitu Puan Nooryah binti Ghulam. Temubual ini dilakukan untuk mengetahui pengalaman beliau sewaktu berada di Institut Teknologi MARA (ITM). Beliau merupakan salah seorang penuntut yang mengambil Diploma Kajian Sains dan Perpustakaan pada awal pembukaan kursus tersebut. Di awal penubuhan kursus itu diwujudkan, hanya terdapat beberapa pelajar sahaja yang menuntut sehingga tamat pengajian. Biarpun tidak ramai penuntut di awal pembukaan kursus itu, beliau tidak patah semangat untuk meneruskan sehingga tamat pembelajaran. Pendapat dan pandangan beliau terhadap sesuatu bahan dahulu dan kini banyak menitikaberatkan tentang khazanah yang perlu dijaga sehingga berabad lamanya. Kerjaya yang pernah beliau lalui juga meliputi pembelajaran yang pernah beliau belajar ketika berada di ITM dahulu. Ini menunjukkan bahawa bidang Sains dan Perpustakaan tidak hanya merangkumi sesuatu perkara sahaja iaitu Perpustakaan, ia juga dapat meliputi mengenai organisasi mahupun negara. Melalui sejarah lisan ini, diharapkan masyarakat luar dapat mengenali kursus ini dengan lebih lanjut mengenai perbezaannya dengan kursus yang lain.*

*Kata kunci: Puan Nooryah Ghulam, Sains dan Perpustakaan, ITM, pelajar, Khazanah*

## PENGHARGAAN

---

---

Pertama sekali, kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih tidak terhingga kepada pihak-pihak yang terlibat dalam menjayakan tugas ini hingga ke akhir tugas ini. Dengan izin kurniaan Tuhan yang Maha Kuasa, kami dengan jayanya dapat menyelesaikan tugas kami dengan baik.

Kami dengan rendah diri ingin merakamkan sejuta penghargaan kepada pensyarah kami bagi subjek Oral Documentation, kod subjek IMR604 iaitu Puan Siti Noorsiah Binti Jamaluddin kerana telah memberikan tunjuk ajar dan bimbingan terhadap tugas ini. Melalui dorangan tersebut, kami berjaya menyiapkan tugas ini walaupun di saat akhir.

Tidak dilupakan juga, kami ingin titipkan penghargaan buat Puan Nooryah Ghulam yang sudi menerima pelawaan kami untuk menjadi rujukan tokoh bagi dalam tugas yang diberikan ini. Tanpa bantuan daripada beliau kami tidak mampu untuk melaksanakan tugas ini dengan baik.

Di samping itu, kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada rakan-rakan, keluarga, kedua ibu-bapa di mana telah memberi semangat dari segi fizikal dan mental serta memahami situasi kami dalam menyelesaikan tugas ini.

Akhir kata, terima kasih sekali lagi kepada pihak-pihak yang terlibat dalam menjayakan tugas yang penuh cabaran ini. Sekian, terima kasih.

Sekian terima kasih.